

## WARTA KERAJAAN

### **PUSAT INFORMASI - WARTA KERAJAAN - P.U. (A) 546**

AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGGI SWASTA 1996  
PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIDKAN TINGGI SWASTA  
(PENGENDALIAN KURSUS PENGAJIAN) 1997

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 88 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pengendalian Kursus Pengajian) 1997 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1998.
2. Dalam Peraturan-Peraturan ini , melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain.

“Kursus pengajian tambahan” ertinya kursus pengajian yang dipohon untuk dikendalikan oleh sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta setelah institusi pendidikan tinggi swasta itu didaftarkan.
3. (1) Permohonan untuk mengendalikan sesuatu kursus pengajian atau kursus pengajian tambahan hendaklah dibuat dalam Borang 'A' atau 'B' dalam Jadual Pertama, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pendaftar, dan satu salinan kepada Ketua Eksekutif Lembaga Akreditasi Negara, tidak lewat daripada enam bulan sebelum kursus pengajian atau kursus pengajian tambahan yang dicadangkan itu dimulakan.

(3) Permohonan bagi setiap kursus pengajian atau setiap kursus pengajian tambahan hendaklah dibuat dalam borang permohonan yang berasingan.

(4) Permohonan hendaklah disertai dengan -

  - a. fee yang dinyatakan dalam Jadual Kedua; dan
  - b. dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam Borang 'A' atau 'B.
4. Syarat-syarat yang berikut terpakai atas kelulusan permohonan:
  - . kursus itu hendaklah diajar di premis berdaftar institusi pendidikan tinggi swasta itu sahaja;
    - a. kemudahan yang lengkap dan kemas kini hendaklah disediakan bagi maksud pengajaran dan pembelajaran kursus pengajian itu;
    - b. guru yang berkelayakan dan berpengalaman yang mencukupi hendaklah disediakan untuk mengendalikan kursus pengajian itu; dan
    - c. apa-apa syarat lain ynag dikenakan oleh Menteri.
5. (1) Jika Menteri berpuas hati dengan permohonan untuk mengendalikan kursus pengajian atau kursus pengajian tambahan, dia bolehlah meluluskan kursus pengajian atau kursus pengajian tambahan dengan mengenakan fee kelulusan yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Sesuatu kelulusan yang diberikan untuk mengendalikan kursus pengajian atau kursus pengajian tambahan adalah sah bagi tempoh tidak melebihi :-

  - . tiga tahun bagi tahap sijil dan diploma; dan (pindaan kepada 5 tahun)

- a. lima tahun bagi tahap ijazah.
6. Kelulusan untuk mengendalikan kursus pengajian yang telah tamat tempoh boleh dibaharui melalui permohonan dalam Borang 'C' dalam Jadual Pertama dan membayar fee yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.
7. Ketua Pendaftar hendaklah mengemukakan, secara bertulis, memberitahu pemohon mengenai keputusan Menteri.
8. Pemohon hendaklah mengemukakan perakuan pendaftaran kepada Ketua Pendaftar untuk dipinda atas kelulusan untuk mengendalikan sesuatu kursus pengajian tambahan.